



YAYASAN ISLAM TERENGGANU

IKLAN JAWATAN KOSONG (LANTIKAN CONTRACT FOR SERVICE)

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berasal dari rakyat Negeri Terengganu yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan bertaraf kontrak di Yayasan Islam Terengganu.

SYARAT-SYARAT UMUM LANTIKAN

- 1) Warganegara Malaysia.
- 2) Rakyat Negeri Terengganu.
- 3) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- 4) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA MEMOHON

- 1) Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian (online) dan melengkapkan semua maklumat melalui pautan google form di bawah:



PENOLONG PEGAWAI TADBIR

<https://forms.gle/3WCeGfzQeMSodNrs5>

- 2) Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- 3) Hanya calon-calon berjaya disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
- 4) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 5) Tarikh permohonan dibuka **28 JUN 2026 (AHAD) HINGGA 5 JULAI 2026 (AHAD), JAM 12.00 TENGAH HARI.**

PENOLONG PEGAWAI TADBIR

KELAYAKAN	GAJI (BULAN)	KEKOSONGAN	PENEMPATAN
STPM/ STAM/ MATRIKULASI/ DIPLOMA	RM 1,900.00	1	Besut / Kuala Terengganu

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

SYARAT-SYARAT JABATAN

2. Mempunyai Kemahiran komunikasi yang baik dan berkebolehan mengendalikan aplikasi komputer dan peralatan yang berkaitan dengan bidang tugas.

DESKRIPSI TUGAS

3. Bertanggungjawab menolong Pegawai Tadbir atau lain-lain pegawai di peringkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam melaksanakan fungsi-fungsi pengurusan dalam bidang-bidang berikut:
 - i) Pentadbiran Am
 - ii) Pengurusan Perkhidmatan
 - iii) Pengurusan Kewangan
 - iv) Pengurusan Pembangunan Infrastruktur dan Pembangunan Manusia
 - v) Penyelidikan dan Pembangunan Pengurusan